

Kerajaan tidak abai hak, sedia peluang rakyat dapat pendidikan tinggi

Lebih 40,000 pelajar ditawarkan tempat lanjut pelajaran di universiti awam setiap tahun dengan bantuan kewangan PTPTN

Laporan Khas

Oleh Ridzuan Yop dan Azrul Affandi Sobry
rencanan@bharian.com.my

PELUANG melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi sentiasa terbuka luas kepada rakyat negara ini. Pelbagai kemudahan disediakan kerajaan bagi tujuan itu, termasuk pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran kepada yang kurang berkemampuan.

Setiap tahun beribu-ribu pelajar dipilih memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) bagi mengikuti pelbagai jurusan pengajian dalam usaha kerajaan melahirkan lebih ramai sumber tenaga manusia bagi membangunkan negara.

Apapun setiap pelajar yang dipilih perlu bersedia bahawa bukan calang-calang cabaran bakal mereka ditempuhi ketika berada di institusi pengajian tinggi (IPT). Jika tidak mempunyai kekuatan mental dan fizikal, sudah pasti cita-cita mereka terhalang dan kecundang di pertengahan jalan.

Walaupun tempoh menuntut ilmu di IPT mengambil masa beberapa tahun saja, tetapi ia adalah satu tempoh sangat penting yang bakal mencorak masa depan pelajar, sama ada mereka akan berjaya melayari dunia kerjaya selepas tamat pengajian.

Pastinya selama tempoh menimba ilmu di menara gading akan ada bermacam-macam cabaran yang bakal ditempuhi. Kesusahan dan kesukaran bukan hanya untuk lulus dalam peperiksaan, lebih penting adalah mengharungi kehidupan sebagai pelajar dengan melalui pelbagai pengalaman.

Sejumlah 40,506 pelajar baru yang mengikuti pengajian pada peringkat ijazah pertama akan mula mendaftar pada pengembilan sesi 2010/2011, di semua IPTA, 3 dan 4 Julai ini. Bermakna, bermulalah cabaran baru kepada pelajar ini yang bakal bergelar mahasiswa dan mahasiswi.

Mereka yang dipilih adalah pelajar yang dikenal pasti paling layak untuk mengikuti sesuatu kursus berdasarkan meritokrasi, iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus kokurikulum.

Antara cabaran bagi seorang pelajar baru, tentunya untuk membiaskan diri dengan suasana baru kehidupan kampus. Bagi yang datang dari keluarga berpendapatan rendah, cabaran

utama pastinya menyediakan sejumlah wang bagi membiayai pengajian selama berada di universiti.

Selain itu, seseorang pelajar juga harus bersedia agar tidak mudah terpengaruh gejala serta fahaman negatif yang boleh merosakkan minda mereka sebagai seorang pelajar, seperti pengaruh kumpulan radikal agama Jemaah Islamiyah (JI) yang dikatakan cuba memperkembangkan pengaruhnya dengan melatih ahli baru di kalangan pelajar IPTA kebelakangan ini.

Apapun, pelajar terpilih sewajarnya tidak meniasiaikan peluang yang diberikan kepada mereka untuk menunaikan tanggungjawab sebagai seorang pelajar menimba ilmu, kerana peluang yang diberi mungkin hanya datang sekali seumur hidup.

Difahamkan permohonan kemasukan pelajar ke IPTA tahun ini meningkat dan kebanyakan pelajar membuat pilihan pertama untuk menempatkan diri ke universiti penyelidikan iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaya (UM).

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr. Nik Mustapha Abdullah, berkata tempat pengajian untuk peringkat Sarjana Muda di universiti penyelidikan semakin dikurangkan sejak 2006 untuk memberi fokus kepada jurusan sarjana dan kedoktoran, sekali gus mewujudkan persaingan tinggi untuk berjaya ke lima IPTA itu.

"Namun begitu, jumlah pemohon ke universiti itu tidak pula berkurangan dan diakui menjadi pilihan utama pelajar, sekali gus mengecilkan peluang ramai pelajar untuk merebut tempat yang terhad itu. Kemasukan ke UPM tahun ini meskipun ada sedikit penambahan tetapi sukar untuk diramal berapa ramai pula yang tercicer," katanya yang memberitahu pendaftaran ke UPM juga akan bermula 3 Julai ini.

Dalam kalangan 20 IPTA di seluruh negara, pastilah Universiti Teknologi Mara (UiTM) paling sibuk kerana pendaftaran untuk program diplomasnya sudah dibuka, bermula 26 hingga 28 Jun lalu termasuk di semua kampus cawangannya, selain kampus induknya di Shah Alam. Tambahan pula universiti itu membuka pengambilan pelajar paling ramai untuk program diploma iaitu lebih 60 peratus daripada 20,000 pelajar keseluruhan untuk sesi tahun ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Sahol Ha-



BILANGAN pelajar yang ditawarkan ke IPTA meningkat setiap tahun menyebabkan persaingan semakin sengit.

mid Abu Bakar, berkata universiti itu kali ini lebih memberikan fokus menggalakkan pelajar mengambil jurusan berbeza di peringkat sarjana muda bagi membolehkan mereka menguasai dua bidang untuk membuka lebih peluang ketika memasuki lapangan kerjaya.

"Kami memperkenalkan sistem dua disiplin dalam pengambilan kali ini. Pelajar diploma dalam bidang akaun, kita tawarkan untuk belajar jurusan kewartawanan peringkat sarjana muda.

"Begitu juga jurusan lain untuk membolehkan mereka berpeluang menguasai dua disiplin berbeza.

"Kemasukan ke UiTM juga meningkat tahun ini dan kami sedang meningkatkan prasarana serta memperbanyakkan pensyarah untuk membolehkan lebih ramai pada semester depan bagi memastikan tidak ramai anak Melayu tercicer daripada mendapat peluang dalam pendidikan," katanya.

Katanya, selepas pengambilan baru ini, ada 160,000 pelajar dalam 27 pusat pengajian UiTM di seluruh negara. Akan datang, ada enam lagi pusat pengajian baru bakal dibuka.

Beliau turut bersetuju persaingan ke IPTA tahun ini meningkat dengan begitu ketara, namun sekali lagi menyaksikan peratus kemasukan pelajar ke universiti mengikut jantina masih jauh dikuasai pelajar perempuan. Kenyataan itu, turut disahkan Jabatan Pengajian Tinggi yang menganggarkan terdapat lebih 65 peratus adalah pelajar perempuan untuk sesi tahun ini.

UiTM bakal menerima kemasukan lebih 20,000 pelajar yang 90 peratus daripadanya adalah pelajar lanjutan universiti itu sendiri meskipun permohonan daripada pelajar IPT lain turut meningkat.


Malah, tahun ini turut menyaksikan permohonan di kalangan pelajar bekerjaya dan kursus jarak jauh meningkat mendadak.

Kedua-dua Naib Canselor itu turut menyifatkan langkah menaikkan jumlah pendapatan

bulanan keluarga kepada RM4,000 untuk melayakkan pelajar mendapat pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut banyak membantu pelajar baru menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup dan pengajian ketika ini.

Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Pengajian Tinggi, selain lima universiti penyelidikan itu, beberapa universiti lain terutama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dan universiti teknikal seperti Universiti Teknologi Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) turut menerima permohonan tinggi.

Apapun, persaingan ini jelas menunjukkan keinginan belajar dalam kalangan rakyat di negara ini semakin meningkat, seiring dengan langkah kerajaan dalam memastikan masyarakat pelajar mendapat hak pendidikan berkualiti dengan membuka peluang pengajian seluas-luasnya di semua peringkat.



“ Jumlah pemohon ke universiti itu tidak pula berkurangan dan diakui menjadi pilihan utama pelajar, sekali gus mengecilkan peluang ramai pelajar untuk merebut tempat yang terhad itu. Kemasukan ke UPM tahun ini meskipun ada sedikit penambahan tetapi sukar untuk diramal berapa ramai pula yang tercicer”

Nik Mustapha Abdullah
Naib Canselor UPM

